

|             |  |            |                |
|-------------|--|------------|----------------|
| Headline    | Bekalan elektrik, air di Johor lebih daripada mencukupi - MB |            |                |
| MediaTitle  | Utusan Malaysia  |            |                |
| Date        | 13 Feb 2024  | Language   | Malay          |
| Circulation | 107,609  | Readership | 322,827        |
| Section     | Dlm Negeri   | Page No    | 32             |
| ArticleSize | 371 cm <sup>2</sup>  | Journalist | Mohamad Faizal |
| PR Value    | RM 45,513  |            |                |
|             |  |            |                |



# Bekalan elektrik, air di Johor lebih daripada mencukupi - MB

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**  
utusannews@mediamula.com.my

**JOHOR BAHRU:** Kerajaan negeri memberi jaminan tidak timbul isu kekurangan bekalan elektrik dan air di negeri ini kerana kemudahan itu berada pada tahap mencukupi.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, bekalan elektrik dan air bukan sahaja mampu memenuhi kegunaan rakyat, bahkan cukup untuk pembangunan di negeri ini.

Menurutnya, bekalan elektrik mempunyai kapasiti terpasang sebanyak 10,476 megawatt (mw), jauh lebih tinggi berbanding permintaan maksimum 2,804 mw dan lebih banyak 75 peratus bekalan itu boleh dimanfaatkan oleh pelbagai sektor ekonomi termasuk kawasan perindustrian.

“Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga menggunakan kaedah persefahaman dengan pemaju bagi membangunkan infrastruktur baharu melibatkan kos ditanggung pemaju dan TNB secara 50-50.

“Selepas pemaju mencapai penggunaan yang ditetapkan, wang akan dikembalikan kepada pemaju. Kaedah itu dapat merancakkan pengembangan kawasan perindustrian,” katanya dalam sidang media selepas melawat Pencawang Masuk Utama (PMU) Kota Masai dan Empangan Layang di Pasir Gudang, dekat sini semalam.

TNB mempunyai sebanyak 105 PMU, 108 Pencawang Pembahagian Utama (PPU) dan 15,643 Pencawang Elektrik (PE) yang meliputi 12 kawasan perniagaan di negeri ini.

Onn Hafiz berkata, bagi bekalan air pula, Ranhill SAJ me-



**ONN HAFIZ Ghazi (tengah) diberi penerangan ketika melawat Pencawang Masuk Utama (PMU) sempena lawatan kerja berkaitan kemampuan penyediaan bekalan tenaga elektrik di PMU, Taman Kota Masai, Johor Bahru.**

maklumkan terdapat 16 projek sedang dilaksanakan melibatkan tiga masih dalam bentuk kajian, manakala 13 lagi mempunyai peruntukan pelaksanaan. Katanya, dari segi keperluan

jangka pendek dan sederhana, bekalan sedia ada mencukupi bagi menampung permohonan perindustrian.

“Satu daripada 13 projek ini telah siap, bakinya akan siap secara berperingkat pada tahun ini dan tahun depan dengan penambahan kapasiti bekalan air sebanyak 1,170 juta liter sehari.

“Projek baharu ini akan menyumbang terhadap penambahan jumlah rizab air kita sebanyak 18 peratus, ini adalah berita baik dan perkembangan positif kepada negeri ini.

“Sebelum ini terdapat suara-suara yang menyatakan bekalan elektrik dan air tidak cukup di Johor, perkara itu tidak benar. Kita menggalakkan pemain industri dan pelabur untuk melihat Johor sebagai lokasi destinasi utama dalam pelaburan mereka,” katanya.